

# JBPM mahu kerajaan pertimbang aspek perkhidmatan kebombaaran

BH ONLINE | Isnin, 7 Oktober 2019 | 12:19am



Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Datuk Mohammad Hamdan Wahid. - NSTP/Luqman Hakim Zubir

KUALA LUMPUR: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) berharap kerajaan mempertimbangkan aspek perkhidmatan kebombaaran, penyelamatan, keselamatan dan khidmat kemanusiaan dalam Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan Jumaat ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohammad Hamdan Wahid, berkata aspek itu antaranya merangkumi pembinaan balai bomba, penambahan aset operasi kebombaaran serta tugas mencari dan menyelamatkan (SAR) di air dan daratan.

“JPBM juga mengharapkan belanjawan itu nanti mengambil kira aspek pengendalian bahan bahaya anggota pasukan dari unit bahan berbahaya (HAZMAT) selain kemalangan industri dan domestik,” katanya.

Beliau berkata, penambahan binaan balai bomba adalah untuk meningkatkan perlindungan keselamatan di bandar, luar bandar dan pedalaman manakala penambahan aset operasi bagi operasi kebombaaran pula bertujuan untuk aktiviti pemadaman dan penyelamatan di bangunan tinggi, hutan dan struktur khas.

Katanya, belanjawan itu diharap dapat disalurkan ke arah penyelenggaraan aset sedia ada serta pemodenan kelengkapan kebombaaran.

Sementara itu, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) berharap kerajaan memberi perhatian kepada elaun anggota pasukan itu serta penyelenggaraan peralatan logistik.

Ketua Pengarahnya, Datuk Roslan Wahab, berkata elaun anggota dan pegawai APM kini masing-masing berada pada paras RM8 sejam bagi anggota dan RM9 sejam untuk pegawai.

“Kekuatan APM terletak pada sukarelawan, lebih ramai anggota perlu digerakkan ke lokasi,” katanya. - BERNAMA